

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : KAEDAH PENYELIDIKAN
DALAM PENDIDIKAN
SEKOLAH RENDAH

KOD KURSUS : BBR 34203

PROGRAM : 4 BBR

TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2014


MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **SEMBILAN BELAS (19)** MUKA SURAT

SULIT


- S1** Manakah antara berikut memberikan definisi yang paling tepat tentang penyelidikan?
- A. Proses untuk mengemukakan jawapan kepada persoalan
 - B. Proses mengumpul data dengan pelbagai kaedah yang sesuai
 - C. Proses mengemukakan soalan yang berkaitan dengan isu dan permasalahan
 - D. Proses sistematik dalam mengumpul dan menganalisa maklumat untuk memahami sesuatu isu
- S2** Tujuan penyelidikan dijalankan ialah untuk menyelesaikan permasalahan yang telah dikenalpasti seperti berikut, **KECUALI**?
- A. Menggubal polisi baru kerajaan
 - B. Menghasilkan modul atau produk
 - C. Memperbetulkan sesuatu metodologi yang salah
 - D. Mendapatkan kata putus tentang pendapat yang bercanggah
- S3** **RAJAH S3** menunjukkan langkah-langkah dalam penyelidikan. Kenalpasti langkah-langkah yang sesuai bagi (I) dan (II)



I	II
A. mengenalpasti lokasi kajian	membuat laporan dan poster
B. menjalankan kajian rintis	menghasilkan penulisan artikel
C. menguji hipotesis null dan alternatif	membuat laporan penyelidikan
D. mengenalpasti masalah penyelidikan	membincangkan dapatan penyelidikan

- S4** ‘Dalam penyelidikan ini, penyelidik mengumpul maklumat tentang pelajar sekolah rendah di kawasan luar bandar sahaja’. Pernyataan berikut ialah
- A. skop kajian
 - B. batasan kajian
 - C. andaian kajian
 - D. hipotesis kajian
- S5** Etika penyelidikan merupakan isu yang sangat penting berikutan penglibatan manusia sebagai subjek penyelidikan. Apakah kepentingan etika penyelidikan dalam pendidikan?
- A. Membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat sesuka hati
 - B. Melindungi peserta penyelidikan daripada sebarang implikasi negatif
 - C. Memberi peluang kepada penyelidik mendapatkan data dengan lebih cepat
 - D. membenarkan peserta penyelidikan mendedahkan maklumat kepada umum
- S6** Menurut Howie dan Moses (1999), salah laku penyelidikan boleh menjejaskan komuniti penyelidikan. Manakah di antara berikut menunjukkan salah laku penyelidikan?
- A. Emma merujuk kepada pakar supaya instrumen yang dibangkannya dapat disahkan
 - B. Zizan memasukkan data yang dikumpul oleh seorang penyelidik ke dalam perisian statistik SPSS tanpa mengambil tahu latar belakang peserta penyelidikan tersebut
 - C. Ella mengubah data untuk mendapatkan dapatan yang signifikan secara statistik agar penyelidikannya dapat diterbitkan dalam jurnal
 - D. Amy menyatakan sumber maklumat dalam penulisannya di bab rujukan menggunakan format APA6.
- S7** Andaikan skop kajian anda ialah “pengaruh kepemimpinan pengajaran pengetua ke atas tahap kepuasan guru”. Manakah di antara maklumat berikut paling sesuai ditanya kepada guru?
- A. Latar belakang pendidikan guru dan pengetua di sekolah tersebut
 - B. Jantina, latar belakang pendidikan, pendapatan dan kepimpinan guru
 - C. Tahap kepuasan guru terhadap kepemimpinan pengajaran pengetua tersebut
 - D. Tahap kesedaran dan tahap kepuasan guru tentang kepemimpinan pengetua

- S8** Perkembangan sesuatu idea dalam penyelidikan dapat dilihat dalam **RAJAH S8**. Kenalpasti perkara-perkara yang sesuai bagi (I) dan (II).



I	II
A. isu pendidikan	hipotesis
B. isu kontroversi	anggapan kajian
C. batasan kajian	kajian empirikal
D. pengalaman pakar	teknik persampelan

- S9** Cikgu Ravi ingin mendapatkan maklumat terkini tentang keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dalam matapelajaran Matematik. Beliau ingin membuat perbandingan antara pencapaian pelajar sekolah di Malaysia dan sekolah-sekolah yang telah mengaplikasikan PBM di Jerman, Singapura dan United Kingdom. Di manakah lokasi yang tepat untuk mendapatkan maklumat tersebut?


- A. Pejabat Pendidikan Daerah
- B. Google scholar sejak lima tahun yang lalu
- C. Tesis pelajar yang berkaitan sejak tiga tahun yang lalu
- D. Artikel dari jurnal penyelidikan sejak sepuluh tahun yang lalu

- S10** Satu kajian dijalankan untuk mencari samada terdapat perbezaan pencapaian bagi murid yang diajar dengan kaedah yang berbeza iaitu Kaedah X dan Kaedah Y dalam matapelajaran Matematik. Manakah pemboleh ubah bersandar dan manakah pemboleh ubah tidak bersandar?

Pemboleh ubah bersandar	Pemboleh ubah tidak bersandar
A. Kaedah Y	Kaedah X
B. Markah pencapaian murid	Kaedah X dan Y
C. Markah pencapaian murid	Kaedah Y
D. Kaedah X	Kaedah Y

- S11** Seseorang penyelidik yang ingin memulakan sesuatu penyelidikan boleh merujuk kepada beberapa sumber masalah seperti di bawah KECUALI?
- A. hasil tinjauan kajian Dr. Chua
 - B. teori sedia ada yang belum diuji
 - C. pengalaman penyelidik itu sendiri
 - D. pendapat seorang penulis di akhbar

- S12** RAJAH S12 menunjukkan perbezaan antara pemboleh ubah A dan pemboleh ubah B. Apakah pemboleh ubah A dan B?



I	II
A. Pemboleh ubah kuantitatif	Pemboleh ubah kualiti
B. Pemboleh ubah kuantiti	Pemboleh ubah kualitatif
C. Pemboleh ubah kuantitatif	Pemboleh ubah kreatif
D. Pemboleh ubah kuantitatif	Pemboleh ubah kualitatif

- S13** Teori merupakan satu penjelasan atau sistem penghuraian yang membincangkan bagaimana sesuatu fenomena beroperasi. Dalam penyelidikan, kerangka teoritik merujuk kepada
- A. model kerangka yang belum diuji
 - B. teori-teori tersohor yang sudah sedia ada dan telah diuji
 - C. kerangka kajian yang berkaitan dengan persoalan kajian
 - D. kerangka yang menerangkan panduan dan halatuju kajian

S14 Berikut merupakan ciri-ciri cadangan penyelidikan yang menepati keperluan penyelidikan, KECUALI?

- A. Penyelidikan dalam bidang tersebut tidak banyak dijalankan
- B. Tiada penyelidikan yang menggunakan sampel di sesebuah lokasi
- C. Terdapat percanggahan dalam dapatan penyelidikan-penyelidikan lalu
- D. Terdapat isu-isu sensitif seperti isu yang menyentuh akidah atau emosi kaum

S15 **RAJAH S15** menunjukkan contoh borang persetujuan menjalankan penyelidikan. Borang ini digunakan dalam kebanyakan bidang penyelidikan sosial yang memerlukan persetujuan dan kerjasama daripada peserta penyelidikan. Peserta mestilah

Kepada:	Puan Hajah Rifah Binti Abdullah
Perkara:	PERSETUJUAN UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PENYELIDIKAN
	Dengan ini saya ingin memaklumkan bahawa saya,
	<input type="checkbox"/> Bersetuju
	<input type="checkbox"/> Tidak bersetuju
	untuk mengambil bahagian dalam penyelidikan Pelaksanaan Program Satu Murid Satu Sukan di Sekolah Rendah
Nama:
Tandatangan:
Tarikh/ No. Tel:

RAJAH S15

- A. bersetuju sepenuhnya untuk didedahkan kepada kesakitan samada fizikal, mental atau emosi
- B. dimaklumkan sebelum penyelidikan dijalankan bahawa penyertaan mereka adalah secara sukarela
- C. diberi penerangan menyeluruh tentang risiko yang menimpa mereka selepas penyelidikan dijalankan
- D. membenarkan individu di bawah jagaannya dilibatkan dengan penyelidikan tersebut

S16 Apakah keperluan membuat sorotan kajian terdahulu?

- A. Memastikan senarai rujukan mencukupi
- B. Menjamin penulisan yang dibuat mencukupi
- C. Mengetahui sejauhmana pengetahuan tentang bidang kajian
- D. Membantu pengetahuan am berkaitan kajian yang dijalankan

S17

Membuat kajian berdasarkan permasalahan keadaan sebenar dan membuat penyelesaian ke atas permasalahan yang wujud.

Pernyataan di atas berkaitan dengan salah satu jenis penyelidikan. Apakah jenis penyelidikan tersebut?

- A. Kajian Tindakan
- B. Kajian Tinjauan
- C. Kajian Hubungan
- D. Kajian Eksperimen

S18 Apakah yang dimaksudkan dengan sorotan kajian yang sistematik?

- A. Sorotan kajian yang dimulakan di perpustakaan, kemudian ke data atas talian, seterusnya ke internet
- B. Proses yang boleh diulang, saintifik, dan telus
- C. Suatu proses yang memastikan keseimbangan bagi semua aspek dalam menjana pengetahuan
- D. Proses yang bertanggungjawab, professional, dan mempunyai pengurusan masa yang baik

S19 Laporan penyelidikan yang asal dan asli, dan merupakan hasil idea dan dapatan penyelidik dikenali sebagai?

- A. Sumber primer
- B. Sumber skunder
- C. Jurnal penyelidikan
- D. Sumber rujukan am

S20 Sumber utama manakah yang paling banyak menyumbang kepada sorotan kajian?

- A. Internet dan buku ilmiah
- B. Laporan penyelidikan dan internet
- C. Buku ilmiah dan jurnal penyelidikan
- D. Jurnal penyelidikan dan laporan penyelidikan

- S21** Di antara berikut yang manakah menerangkan dengan tepat bagaimana sesuatu penyelidikan dapat diolah menjadi bahan bagi sorotan kajian?
- Abstrak kajian yang diringkaskan
 - Laporan hendaklah berdasarkan penemuan utama
 - Hanya memadai dengan senarai rujukan yang lengkap
 - Penerangan yang jelas tentang kaedah penyelidikan yang dibuat
- S22** Manakah antara berikut tidak melibatkan langkah-langkah dalam sorotan kajian?
- Abaikan sumber skunder
 - Memilih dan menggunakan satu atau dua rujukan umum
 - Mendefinisikan pernyataan masalah kajian se jelas mungkin
 - Mendapatkan dan membaca sumber primer yang berkaitan
- S23** Apendiks adalah tempat yang sesuai dalam tesis bagi memasukkan
- sorotan literatur dan rekabentuk kajian
 - teknik persampelan untuk memilih subjek
 - keputusan ujian bagi hipotesis null dan alternatif
 - salinan instrument untuk pemungutan data yang digunakan dalam kajian
- S24** Seksyen metodologi dalam tesis biasanya mengandungi
- sorotan kajian dan hipotesis
 - rekabentuk penyelidikan, sampel, dan pengukuran
 - definisi terminologi, sorotan kajian dan prosedur analisis data
 - rekabentuk penyelidikan dan sorotan kajian
- S25** **JADUAL S25** menunjukkan perbezaan antara kajian tinjauan dan kajian eksperimental. Manakah antara berikut menyatakan jenis persoalan di I?

JADUAL S25

Jenis Persoalan	Kajian Tinjauan	Kajian Eksperimental
I	Apakah pendapat responden tentang penglibatan pelajar institusi pengajian tinggi awam dalam politik?	Apakah kualiti kehidupan kampus pelajar universiti A sebelum rawatan?

- Deskriptif
- Perbezaan kumpulan
- Hubungan
- Jangkaan

- S26** **JADUAL S26** menunjukkan perbezaan antara kajian tinjauan dan kajian eksperimental. Manakah antara berikut menyatakan jenis persoalan di II?

JADUAL S26

Jenis Persoalan	Kajian Tinjauan	Kajian Eksperimental
II	Adakah wujud perbezaan yang signifikan antara latar belakang pendidikan dan pandangan tentang pemakaian baju kurung putih dalam kalangan pelajar sekolah?	Adakah wujud perbezaan yang signifikan antara latar belakang pendidikan dan pandangan tentang pemakaian baju kurung putih di antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen?

- A. Deskriptif
 B. Hubungan
 C. Perbezaan kumpulan
 D. Jangkaan
- S27** **JADUAL S27** menunjukkan perbezaan antara kajian tinjauan dan kajian eksperimental. Manakah antara berikut menyatakan jenis persoalan di III?

JADUAL S27

Jenis Persoalan	Kajian Tinjauan	Kajian Eksperimental
III	Bolehkah penadangan tentang pemakaian baju kurung dalam kalangan pelajar perempuan dijangka secara tepat oleh tahap pendidikan, agama, umur dan kepercayaan?	Bolehkah ahli kumpulan menjangkakan (kawalan dan ekperimental) kualiti kehidupan kampus pelajar universiti ABC?

- A. Jangkaan
 B. Perbezaan kumpulan
 C. Deskriptif
 D. Hubungan
- S28** Penyelidikan korelasi merujuk kepada
- A. penyelidikan yang membuktikan sesuatu teori adalah betul
 B. penyelidikan yang membuktikan sesuatu perkaitan adalah positif
 C. penilaian tentang kekuatan dan arah hubungan dengan mencari sebab
 D. penyelidikan yang cuba mencari perhubungan antara pemboleh ubah

- S29** **JADUAL S29** menunjukkan perbezaan antara kajian tinjauan dan kajian eksperimental. Manakah antara berikut menyatakan jenis persoalan di IV?

JADUAL S29

Jenis Persoalan	Kajian Tinjauan	Kajian Eksperimental
IV	Adakah wujud perbezaan yang signifikan berhubung pendapat tentang baju kurung pelajar masa kini antara ibu bapa di Bandar dan luar Bandar?	Adakah wujud perbezaan yang signifikan dalam kualiti kehidupan kampus pelajar university A antara pelajar yang menghadiri program kerja berpasukan dan yang tidak menghadiri program tersebut?

- A. Hubungan
- B. Deskriptif
- C. Jangkaan
- D. Perbezaan kumpulan

- S30** **RAJAH S30** menunjukkan jenis kajian eksperimen

Kumpulan rawatan	<u> </u>	O	X1	O
Kumpulan kawalan	<u> </u>	O	X2	O

RAJAH S30

- A. rekabentuk Solomon 4 kumpulan
- B. rekabentuk kumpulan kawalan tidak setara
- C. rekabentuk siri masa satu kumpulan
- D. rekabentuk perbandingan praujian-pascaujian

- S31** Jenis pemboleh ubah dalam penyelidikan ialah

- I. Bersandar
 - II. Tidak bersandar
 - III. Luaran
 - IV. Moderator
 - V. Intervensi
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, II dan V
 - D. I, II, III, IV dan V

S32 Dua jenis populasi ialah

- I. Sasaran
- II. Sebahagian
- III. Capaian
- IV. Majoriti

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. I, II dan III
- D. I, II, III dan IV

S33 Jenis-Jenis Persampelan ialah

- I. Polulasi
- II. Sampel
- III. Keberangkalian
- IV. Bukan Keberangkalian

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I, III dan IV

S34 Persampelan bermaksud

- A. Proses memilih sampel kajian
- B. Proses memilih populasi kajian
- C. Proses memilih responden kajian
- D. Proses memilih individu untuk mendapatkan data kajian

S35 Persampelan bertujuan ialah

- A. melibatkan pertimbangan individu memilih sampel berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidik
- B. pemilihan dilakukan berdasarkan ahli sampel mudah diakses, pengetahuan dan tujuan khusus penyelidik.
- C. pemilihan sampel dibuat berdasarkan kes-kes kritikal yang menonjolkan sesuatu perkara yang penting.
- D. persampelan dibuat berdasarkan tahap variasi maksimum dan minimum sesuatu kumpulan populasi.

- S36** Berikut BUKAN merupakan penetapan saiz sampel yang dikemukakan oleh Gay dan Airasian (2003)
- A. Bagi populasi kecil, contohnya N tidak melebihi 100 orang, pungut data daripada keseluruhan populasi.
 - B. Bagi populasi dengan saiz lebih kurang 400-600 orang, 80% seharusnya dijadikan sampel. (Jawapan B).
 - C. Bagi populasi dengan saiz lebih kurang 1500 orang, 20% sepatutnya dijadikan sampel.
 - D. Bagi populasi dengan saiz lebih daripada 5000 orang, 10% seharusnya dijadikan sampel.
- S37** Berikut ialah jenis-jenis skala
- I. Rational
 - II. Interval
 - III. Nominal
 - IV. Ordinal
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. II, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV
- S38** Kesahan Kandungan ialah
- A. penilaian sistematik ke atas isi kandungan untuk menentukan domain yang diukur mewakili keseluruhan kandungan sesuatu domain.
 - B. ketetapan konstruk mengukur sesuatu konstruk berasaskan teori psikologi yang terbabit.
 - C. penilaian sistematik ke atas isi kandungan untuk menentukan domain yang diukur mewakili keseluruhan kandungan sesuatu populasi.
 - D. penilaian sistematik yang menunjukkan tahap korelasi antara pemboleh ubah yang diselidik dengan yang ditetapkan.
- S39** Salah satu daripada sifat penyelidikan yang berkualiti ialah sampel kajiannya mengandungi
- A. kos kajian yang muasabah
 - B. pemboleh ubah kajian yang cukup
 - C. masa untuk jalankan kajian tidak lama
 - D. kebolehpercayaan instrumen kajian yang tinggi

- S40** Yang manakah daripada pernyataan berikut justifikasi sampel kajian menggantikan populasi kajian
- I. menjimatkan kos penyelidikan
 - II. memberi jawapan yang tepat kepada soalan kajian
 - III. menjimatkan masa untuk menyiapkan kajian.
 - IV. memastikan objektif kajian tercapai
- A. I dan II sahaja
 - B. I dan III sahaja
 - C. I dan IV sahaja
 - D. II dan IV sahaja
- S41** Populasi kajian yang manakah paling sesuai untuk kajian mengenai 'Faktor sosial apakah yang menyebabkan pelajar sekolah rendah mengulangi perbuatan ponteng sekolah'
- A. semua pelajar sekolah rendah
 - B. semua guru kelas sekolah rendah
 - C. semua guru penolong kanan hal ehwal pelajar sekolah rendah
 - D. semua pelajar sekolah rendah yang mengulangi perbuatan ponteng sekolah
- S42** Yang manakah antara sampel kajian berikut lebih sesuai kepada kajian mengenai kesan permakanan ke atas 1500 murid tahun satu di sebuah bandar'
- A. 1500 murid tahun satu daripada beberapa buah sekolah.
 - B. 1500 murid tahun satu daripada semua sekolah.
 - C. 30 murid tahun daripada semua sekolah.
 - D. 150 murid tahun satu daripada lima sekolah berbeza
- S43** Mengikut Fraenkel dan Wallen (2006) populasi capaian boleh menggantikan populasi sasaran atas justifikasi berikut:
- A. populasi sasaran adalah pilihan yang ideal dan populasi capaian adalah pilihan realistik
 - B. populasi sasaran adalah pilihan yang realistik dan populasi capaian adalah pilihan ideal
 - C. populasi sasaran adalah pilihan umum dan populasi capaian adalah pilihan khusus
 - D. populasi capaian adalah pilihan umum dan populasi sasaran adalah pilihan khusus

- S44** Saiz sampel yang tepat dalam kajian kualitatif ditentukan melalui
- I. ralat persampelan
 - II. aras kesahan
 - III. aras kebolehpercayaan
 - IV. ralat perpulasilan
- A. I dan II sahaja
 - B. II dan III sahaja
 - C. I,II dan III sahaja
 - D. Semua di atas
- S45** Saiz sampel kajian mengenai corak kehidupan kanak-kanak sekolah rendah yang cemerlang ko-kurikulum tetapi lemah akademik lebih sesuai dipilih melalui metodologi kajian
- A. Pemerhatian
 - B. Eksperimen
 - C. Kualitatif
 - D. Kuantitatif
- S46** Pengukuran data kajian bermaksud mengukur
- A. sampel kajian
 - B. ralat persampelan
 - C. kesahan instrumen
 - D. pembolehubah kajian
- S47** Bagi instrumen kajian yang dihasilkan sendiri oleh pengkaji perlu ada keterangan terperinci tentang
- I. Kaedah pembangunan instrumen
 - II. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen
 - III. Tafsiran data yang diperolehi daripada instrumen
 - IV. Prosedur tadbiran instrument
- A. I,II dan III sahaja
 - B. II, dan III sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. Semua

S48 Namakan jenis data penyelidikan sains sosial. Pilih jawapan anda dari yang berikut

- A. Sela, Kadar, Rawak, dan nominal
- B. Sela, kadar, Rank dan nominal
- C. Sela, Kadar, Normal, dan Rawak
- D. Sela, pemeringkatan, Rank dan nominal

S49 Terdapat empat jenis teknik untuk menganalisis data kajian. Manakah antara berikut menerangkan empat jenis teknik tersebut?

- A. Kaitan, meramalkan, membezakan dan pengelompokkan (clustering)
- B. Hubungan, membezakan, meramalkan dan kumpulan
- C. Hubungan, kumpulan, meramalkan dan perawakan
- D. Kaitan , meramalkan , merawakkan dan pengelompokkan

S50 **JADUAL S50** menunjukkan data-data bagi sebuah agensi pendidikan yang berminat untuk menentukan sama ada kebolehan pekerja perkeraniannya diagihkan secara sama rata di unit masing-masing. Ahli staf pekerjaanya diminta untuk menilai secara pemeringkatan ahlinya mengikut produktiviti

JADUAL S50
Pemeringkatan

Unit A	Unit B	Unit C
1	2	6
8	3	7
11	4	9
12	5	10

Cadangan analisis yang sesuai bagi penyelesaiannya ialah

- A. Analisis ujian t
- B. Pearson r
- C. Analisis Kruskall Wallis
- D. Analisis Phi (ϕ)

- S51** **JADUAL S51** menunjukkan data sari Pusat Pemulihan Vokasional di Universiti yang berminat mempelajari sama ada wujud perbezaan diantara kumpulan rawatannya setelah diberikan ujian penilaian. Datanya adalah seperti berikut

JADUAL S51

<u>Kumpulan I</u>	<u>Kumpulan II</u>	<u>Kumpulan III</u>
60	32	63
42	45	45
46	56	67
72	49	68
61	50	69
46		70
		56

Cadangkan analisis yang sesuai ialah

- A. Ujian t
 - B. Ujian Krukall Wallis
 - C. Ujian *Chi square* (χ^2)
 - D. Ujian ANOVA
- S52** Daripada soalan no. (51), binakan hipotesis null yang sesuai. Pilih jawapan anda dari yang berikut:
- A. Ho: $U1 = U2 = U3$
 - B. Ho: $U1 \neq U2 \neq U3$
 - C. Ho: $U1 \geq U2 \geq U3$
 - D. Ho: $U1 \leq U2 \leq U3$

- S53** **JADUAL S53** menunjukkan markah ujian dari tiga buah sekolah. Anda ingin mengetahui kedudukan sekolah bagi tujuan mengkategorikan sekolah tersebut. Markah ujiannya adalah seperti berikut

JADUAL S53

<u>Sekolah 1</u>	<u>Sekolah 2</u>	<u>Sekolah 3</u>
85	67	56
78	78	54
85	69	68
83	74	79
76	70	43
80	89	45
89	84	90

Setelah anda mendapat data tersebut, apakah langkah pertama yang sepatutnya anda lakukan?

- A. Tunggu dan lihat sahaja
 B. Menganalisis terus data tersebut
 C. Membina korelasi dari data tersebut
 D. Membina hipotesis dan menentukan analisis
- S54** Berdasarkan soalan di atas (S53), apakah hipotesis dan analisis yang sesuai?
- A. $H_0 : U_{sek1} \leq U_{sek2} \leq U_{sek3}$ dan analisis ujian t
 B. $H_0 : U_{sek1} \neq U_{sek2} \neq U_{sek3}$ dan ujian ANOVA
 C. $H_0 : U_{sek1} = U_{sek2} = U_{sek3}$ dan ujian ANOVA
 D. $H_0 : U_{sek1} = U_{sek2} = U_{sek3}$ dan ujian Kruskal Wallis
- S55** Berdasarkan soalan di atas (S54), apakah langkah seterusnya bagi menentukan kategori sekolah?
- A. kategori mana yang sesuai
 B. menentukan minnya dan kategorinya
 C. dari analisis dapatkan min signifikannya dan tentukan minnya bagi mengkategorikan
 D. semua jawapan di atas tidak sesuai

- S56** Apakah yang dimaksudkan dengan proposal penyelidikan?
- A. Mengandungi tajuk, Bab I dan Bab III
 - B. Mengandungi Bab I, Bab II dan Bab III
 - C. Mengandungi Tajuk, Bab I, Bab II dan Bab III
 - D. Mengandungi perkara penting seperti seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif, sorotan kajian, metodologi dan insrumen
- S57** Bagaimanakah sorotan kajian boleh menolong sesuatu pembinaan penulisan proposal?
- A. Menolong membina Bab I
 - B. Menolong membina Bab II dan Bab III
 - C. Tak banyak boleh membantu sebagai bahan bacaan sahaja
 - D. Dapat membantu menulis Bab I, Bab II dan Bab III dan penulisan proposal secara keseluruhan.
- S58** Apakah kepentingan pengetahuan awal tentang data analisis sebelum penyelidikan sebenar dijalankan?
- A. Untuk memudahkan analisis kemudian
 - B. Tidak banyak membantu sebenarnya
 - C. Untuk memudahkan belajar analisis SPSS
 - D. Untuk memudahkan menganalisis data selepas pemungutan data selesai dan supaya perkara yang penting tidak tertinggal semasa pemungutan data
- S59** Kaedah terbaik untuk menghasilkan kejelasan dalam melaporkan hasil penyelidikan adalah dengan merancang perbincangan
- A. mengikut data yang dipungut
 - B. mengikut bagaimana datanya dianalisis
 - C. mengikut hipotesis yang mengarahkan penyelidikan
 - D. dengan menunjukkan hasil penyelidikan yang signifikan terdahulu

S60 Sesuatu abstrak dianggap lengkap sekiranya mengandungi komponen berikut:

- I. latar belakang penyelidikan
- II. tujuan penyelidikan
- III. metodologi penyelidikan
- IV. keputusan analisis data
- V. kesimpulan penyelidikan

- A. I,II dan III sahaja
- B. II, dan III sahaja
- C. II, III dan IV sahaja
- D. Semua

- SOALAN TAMAT -